

Headline	56 PESAKIT DIPINDAH
MediaTitle	Harian Metro
Date	03 Jun 2017
Language	Malay
Section	Setempat
Color	Full Color
Page No	59



56 PESAKIT DIPINDAH

■ **Pusat Amal Dialisis MAA Medicare Kota Bharu diarah tutup bangunan tiada CF**

Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Seramai 56 pesakit yang menjalani rawatan di Pusat Amal Dialisis MAA Medicare Kota Bharu di Jalan Zainal Abidin, di sini, terpaksa mendapatkan khidmat di pusat rawatan lain selepas pusat itu diarah menghentikan operasi kerana tidak memiliki Sijil Layak Menduduki (CF).

Sebelum ini, pusat berkenaan mendakwa beroperasi menggunakan CF sementara yang diperoleh daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) sejak 2012.

Ketua Pegawai Eksekutif YAYASAN AMAL MAA MEDICARE, Datuk Aliyah Karen berkata, pihaknya menyewa bangunan tiga lot itu pada kadar RM8,500 sebulan selepas bangunan asal di Jalan Telipot tidak sesuai untuk menampung pesakit dan terjejas akibat banjir lalu.

“Sebelum ini kami beroperasi apabila Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI)

memberikan CF sementara untuk tempoh enam bulan dan perlu diperbaharui.

“Sijil tetap tidak dikeluarkan kerana bangunan dikatakan tidak memenuhi syarat pelan susun atur ditetapkan. Ia perlu dibuat pengubahauan terlebih dulu untuk permohonan itu (CF) diluluskan.

“Masalah kami apabila tiada CF, maka tak dapatlah lesen untuk beroperasi daripada Kementerian Kesihatan sedangkan pusat ini ada 12 mesin dialisis untuk rawatan pesakit buah pinggang dan juga Hepatitis B dan C,” katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Penglong Presiden Yayasan Amal MAA Medicare Dr Azman Mohd Sharif.

MAA Medicare mempunyai 12 pusat dialisis di seluruh negara dengan memberi rawatan kepada lebih 800 pesakit.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pusat rawatan itu dibangunkan dengan memperoleh dana daripada orang ramai dan menawarkan perkhidmatan secara percuma atau pada kos pa-

ling minimum.

Katanya, ia juga dikhususkan untuk membantu pesakit yang kurang berkecemasan.

“Disebabkan itu kami merayu pihak berkuasa supaya mempertimbangkan permohonan ini. Kami juga sudah berbincang dengan pemilik bangunan untuk membuat pengubahauan, malangnya dia enggan kerana kos yang tinggi,” katanya yang sudah membuat rayuan kepada MPKB sejak dua tahun lalu.

Sementara itu, Setiausaha MPKB-BRI berkata, setiap bangunan yang beroperasi perlu akur dengan syarat ditetapkan sebelum sijil CF dikeluarkan.

Katanya, ia juga bagi memastikan bangunan itu selamat dan keselamatan penghuni di dalamnya terjamin.

“Dalam kes pusat dialisis ini, kita sudah memberi peluang kepada pemilik untuk menukar pelan susun atur bangunan ikut spesifikasi dan memberi CF sementara. Dua tahun lalu pun kita ada berbincang dengan MAA Medicare bagi tujuan serupa,” katanya.

Headline	56 PESAKIT DIPINDAH
MediaTitle	Harian Metro
Date	03 Jun 2017
Language	Malay
Section	Setempat
Color	Full Color
Page No	59



DR Azman bersama Aliyah bertanya khabar kepada pesakit di Pusat Arnal Dialisis MAA Medicare Kota Bharu.